



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2011

**PEMANSUHAN KEPERLUAN MENGEMUKAKAN LAPORAN
POLIS YANG TIDAK MERUPAKAN SUATU KEHENDAK UNDANG-
UNDANG DALAM BERURUSAN DENGAN AGENSI KERAJAAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

September 2011


Dikelilingkan dan Diedarkan Kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI
(PENTADBIRAN AM)
BLOK B8
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA
Tel. : 03 8872 1957 Faks : 03 8888 3904
Laman Web : <http://www.pajpm.gov.my>
Email : pentadbiranam@pajpm.gov.my

Pentadbiran Am, JPM
Menerima Anugerah
Persijilan MS ISO 9001 : 2008
Pada 10 Jun 2009



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT. NO.: A234567

Ruj. Kami : MAMPU.BPP.100-16/2/1 Jld.7(2)

Tarikh : 29 September 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2011

PEMANSUHAN KEPERLUAN MENGEMUKAKAN LAPORAN POLIS YANG TIDAK MERUPAKAN SUATU KEHENDAK UNDANG-UNDANG DALAM BERURUSAN DENGAN AGENSI KERAJAAN

TUJUAN

Pekeling Am ini bertujuan untuk memaklumkan agensi-agensi Kerajaan mengenai keputusan Kerajaan memansuhkan keperluan orang awam untuk mengemukakan laporan polis bagi urusan-urusan Kerajaan yang laporan polis tersebut tidak merupakan suatu kehendak undang-undang, serta tindakan-tindakan susulan yang perlu diambil untuk melaksanakan keputusan tersebut.

TAKRIFAN

2. ‘**Laporan Polis**’ merujuk kepada apa-apa aduan, tohmahan atau maklumat berhubung sesuatu kejadian atau keadaan sama ada melibatkan kesalahan jenayah atau sebaliknya.
3. ‘**Agensi Kerajaan**’ bermaksud semua agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri.

LATAR BELAKANG

4. Pada masa kini, terdapat agensi Kerajaan yang mensyaratkan orang awam membuat laporan polis dan mengemukakannya sebagai dokumen sokongan bagi urusan-urusan yang melibatkan agensi Kerajaan. Sebagai contoh, laporan polis diperlukan dalam urusan mendapatkan penggantian sijil kelahiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara; pasport oleh Jabatan Imigresen Malaysia; perakuan pendaftaran kenderaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan; dan penggantian sijil-sijil peperiksaan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Keperluan pengemukaan laporan polis sebagai dokumen sokongan ini sebenarnya merupakan amalan pentadbiran yang tidak diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang. Contoh-contoh urusan yang mana pengemukaan laporan polis berhubung dengannya tidak dikehendaki secara undang-undang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

5. Pada tahun 2010, sejumlah 2.8 juta laporan polis telah diterima dan dari jumlah tersebut, sebanyak 1.1 juta atau 40% adalah termasuk dalam kategori ‘Rujuk Lain-lain Agensi’ (RLA). Ini menunjukkan sebahagian besar laporan yang dibuat tidak memerlukan tindakan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Perkara ini bukan sahaja menyusahkan orang awam malah tidak melambangkan imej perkhidmatan awam yang cekap dan mesra pelanggan. Di pihak PDRM pula, amalan ini turut menyebabkan tambahan beban kerja dalam mengendalikan urusan pelaporan polis. Keperluan ini juga mengakibatkan peningkatan kos operasi PDRM di samping tidak memberi nilai tambah dalam penyampaian perkhidmatan PDRM.

Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam (JKTPA) Bilangan 2/2011 pada 6 April 2011 telah bersetuju bahawa amalan ini tidak perlu diteruskan.

PELAKSANAAN

6. Untuk memastikan keputusan ini dilaksanakan sepenuhnya, semua agensi Kerajaan adalah diminta memansuhkan amalan mensyaratkan orang awam membuat laporan polis dan mengemukakannya sebagai dokumen sokongan dalam menyelesaikan urusan mereka dengan agensi Kerajaan melainkan terdapat keperluan dari segi undang-undang untuk berbuat demikian. Agensi Kerajaan hendaklah mematuhi dan melaksanakan keputusan ini melalui tindakan-tindakan berikut:

- a) mengenal pasti urusan yang memerlukan orang awam mengemukakan laporan polis kepada agensi Kerajaan terbabit mengikut keperluan yang diperuntukkan dalam undang-undang;
- b) memansuhkan keperluan membuat laporan polis bagi urusan Kerajaan yang tidak terikat dengan mana-mana keperluan undang-undang dan tidak memberi nilai tambah kepada penyampaian perkhidmatan Kerajaan; dan
- c) memaklum dan menghebahkan kepada orang awam mengenai pelaksanaan keputusan ini.

7. Walau apapun yang dinyatakan dalam perenggan 6 di atas, Pekeliling Am ini tidak menghalang orang awam dari membuat laporan polis dan mana-mana agensi Kerajaan tidak boleh menghalang orang awam dari membuat laporan polis.

PEMAKAIAN

8. Pekeliling Am ini adalah terpakai kepada semua agensi Kerajaan.

TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling Am ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN

Ketua Setiausaha Negara

LAMPIRAN A

Urusan yang Tiada Kehendak Undang-Undang Supaya Laporan Polis Dikemukakan

1. Penggantian kehilangan dan kerosakan sijil kelahiran oleh Jabatan Pendaftaran Negara;
2. Penggantian kehilangan dan kerosakan pasport Malaysia oleh Jabatan Imigresen Malaysia;
3. Penggantian kehilangan dan kerosakan sijil perkahwinan oleh Jabatan Pendaftaran Negara ataupun surat nikah oleh Jabatan Agama;
4. Penggantian kehilangan dan kerosakan sijil-sijil akademik oleh Kementerian Pelajaran Malaysia;
5. Penggantian kehilangan dan kerosakan perakuan pendaftaran kenderaan dan lesen memandu oleh Jabatan Pengangkutan Jalan; dan
6. Penggantian kehilangan dan kerosakan geran tanah oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar.